

GARIS PANDUAN PENGURUSAN DERMASISWA HUFFAZ NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

1. TUJUAN

- 1.1. Garis Panduan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan Pengurusan Dermasiswa Huffaz Negeri Selangor Darul Ehsan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Dasar Pengurusan Tahfiz Al Quran Negeri Selangor telah diluluskan di dalam mesyuarat jawatankuasa Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor Bil 2/2013 dan telah diluluskan dalam mesyuarat MAIS Bil 3/2013 yang bersidang pada 21 Mei 2013.
- 2.2. Dasar Pengurusan Tahfiz Al Quran Negeri Selangor ini mengandungi salah satu ketetapan iaitu *“untuk memastikan pemberian peruntukan dan dermasiswa pelajar tahfiz Al-Quran dijalankan dengan teratur”*.
- 2.3. Dermasiswa Huffaz Peruntukan Dermasiswa Huffaz yang disalurkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan nilai jumlah yang tinggi berdasarkan jumlah peningkatan pemohon dermasiswa pada setiap tahun dan memerlukan satu garis panduan yang tuntas sebagai rujukan semua pihak yang terlibat.

3. RASIONAL

- 3.1. Rasional pemberian Dermasiswa Huffaz Negeri Selangor adalah;
 - i. Memartabatkan mukjizat Al-Quran dan kebajikan huffaz Al-Quran.
 - ii. Melahirkan generasi yang menghafaz dan menghayati Al-Quran dengan tujuan untuk memartabatkannya.
 - iii. Memberikan dorongan, galakan dan motivasi kepada pelajar Tahfiz Al-Quran.
 - iv. Menarik minat masyarakat untuk menghantar anak mereka menghafaz Al-Quran.

4. TAFSIRAN

- 4.1. “Jawatankuasa Pemandu Tahfiz Negeri Selangor” ertinya satu jawatankuasa yang dilantik oleh MAIS di bawah Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Islam Negeri Selangor.
- 4.2. “Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz” ertinya pegawai-pegawai yang mengurus proses operasi Dermasiswa Huffaz yang diwakili oleh pegawai Bahagian Pendidikan Islam JAIS, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS).
- 4.3. “Panel Penilaian Dokumen Permohonan” ertinya Jawatankuasa kerja yang memproses permohonan borang calon dermasiswa dan prestasi hafazan penerima dermasiswa.
- 4.4. “Dermasiswa Huffaz” ertinya bayaran insentif kepada pelajar tahfiz yang disalurkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi tempoh maksimum 5 tahun pengajian sahaja. Bagi penerima Dermasiswa Huffaz yang telah menghafaz 30 juzuk tidak layak menerima insentif ini.
- 4.5. “Calon Dermasiswa Huffaz” ertinya pelajar/ murid yang baru memohon Dermasiswa Huffaz dan telah menghafaz minima 3 juzuk Al-Quran yang belajar di Institusi Tahfiz berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor.
- 4.6. “Penerima Dermasiswa Huffaz” ertinya penerima sedia ada/ pemohon yang telah diperakui layak oleh Panel Penilaian Dokumen Permohonan Dermasiswa Huffaz berdasarkan prestasi hafazan dan disahkan/ diluluskan oleh Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz Negeri Selangor.
- 4.7. “Institusi Tahfiz” ertinya institusi tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor dan menawarkan pengajian hafazan 30 juzuk Al Quran dengan tempoh pembelajaran hafazan minimum 4-5 jam sehari.

5. JAWATANKUASA PEMANDU TAHFIZ NEGERI SELANGOR DAN JAWATANKUASA KERJA DERMASISWA HUFFAZ

5.1. Ahli Jawatankuasa Pemandu Tahfiz Negeri Selangor terdiri daripada;

- i. **Penasihat:**
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Islam MAIS.
- ii. **Pengerusi:**
Salah seorang Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Islam MAIS.
- iii. **Ahli:**
 - a. Ketua Penolong Pengarah BPI, JAIS
 - b. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIS
 - c. Imam Besar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 - d. 2 orang tenaga pakar dalam bidang tahfiz Al Quran
 - e. Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf Lembaga Zakat Selangor
 - f. Pengerusi PITAS
 - g. Setiausaha PITAS
 - h. Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan
 - i. Ketua Sektor Pengurusan Akademik
 - j. Ketua Sektor Pengurusan Naziran

} Turut hadir

Urusetia: Unit Pengawalan Sekolah Islam, BPI JAIS

5.2. Ahli Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz terdiri daripada:

- i. Pengerusi – Timbalan Pengarah Operasi JAIS
- ii. Timbalan Pengerusi - Ketua Penolong Pengarah BPI JAIS
- iii. Setiausaha – Penolong Pengarah Kanan Unit Pengawalan Sekolah Islam (UPSI) BPI JAIS.
- iv. Jawatankuasa –
 - a. 4 orang Pegawai BPI JAIS
 - b. 3 orang Pegawai Lembaga Zakat Selangor
 - c. 4 orang wakil PITAS
- v. Urusetia – Seksyen Pengurusan Sekolah Islam dan Tahfiz

5.3 Ahli Jawatankuasa Panel Penilai Dermasiswa Huffaz terdiri daripada:

- i. Penasihat: Ketua Penolong Pengarah BPI JAIS
- ii. Pengerusi: Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan BPI JAIS
- iii. Timbalan Pengerusi: Penolong Pengarah Kanan Unit Pengawalan Sekolah Islam BPI JAIS
- iv. Setiausaha: Ketua Seksyen Pengurusan Sekolah Islam dan Tahfiz
- v. Jawatankuasa:
 - I. 2 orang pegawai BPI JAIS
 - II. 2 orang pegawai LZS
 - III. 4 orang wakil PITAS
- vi. Turut hadir 6 orang exco PITAS (mengikut keperluan)
- vii. 4 orang urusetia dari BPI JAIS

6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- 6.1 Jawatankuasa Pemandu Pendidikan Tahfiz Al Quran Negeri Selangor (JKPTQNS) bertanggungjawab dan melaksana fungsi seperti berikut:
- i. Bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.
 - ii. Melapor dan membentang dapatan serta keputusan mesyuarat kepada Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Islam MAIS.
 - iii. Menyemak dan melaksana Dasar Pengurusan Tahfiz al Quran Negeri Selangor.
 - iv. Menyemak, mengurus dan melaksana Garis Panduan Ithbat Hafazan Al Quran Negeri Selangor.
 - v. Menyemak, mengurus dan melaksana Garis Panduan Dermasiswa Huffaz.
 - vi. Mengurus dan memantau urusan bantuan Dermasiswa Huffaz, Ithbat Hafazan Al Quran, sumbangan elaun Syeikhul Maqari, Syeikhul Muqri dan Syeikhul Qari dan lain-lain bantuan dan lain-lain bantuan dan sumbangan berkaitan tahfiz.
 - vii. Mencadang dan mengesyor penambahbaikan pengurusan tahfiz Negeri Selangor kepada Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Islam MAIS.

- 6.2. Peranan Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz Negeri Selangor
- i. Melaksana mesyuarat Dermasiswa Huffaz Negeri Selangor.
 - ii. Mencadangkan syarat-syarat permohonan dan pembayaran serta kaedah pelaksanaan dermasiswa huffaz
 - iii. Menentukan kadar agihan mengikut keperluan dan peruntukan dari Lembaga Zakat Selangor.
 - iv. Melapor kepada Jawatankuasa Pemandu Tahfiz Negeri Selangor berkaitan hal ehwal Dermasiswa Huffaz.
 - v. Melaksanakan pemantauan terhadap institusi tahfiz berkaitan pembayaran dan agihan kepada penerima dermasiswa huffaz.
- 6.3 Peranan Panel Penilai Permohonan Dermasiswa Huffaz
- i. Bertanggungjawab dalam pengumpulan borang dan data prestasi pemohon dermasiswa.
 - ii. Menyemak, menilai borang permohonan dan prestasi pemohon.
 - iii. Mengesah dan meluluskan borang permohonan serta data prestasi hafazan pemohon/ penerima dermasiswa.
 - iv. Menyediakan senarai pemohon/ penerima dermasiswa untuk dibentang di dalam mesyuarat Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz.
 - v. Menyediakan rekod dan mengemukakan tuntutan kepada Lembaga Zakat Selangor.
 - vi. Menyemak rayuan permohonan calon/ penerima dermasiswa.
- 6.4 Peranan Lembaga Zakat Selangor
- i. Menjadi Ahli JKPTQNS dan Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz.
 - ii. Menerima dan menyemak senarai tuntutan yang telah diluluskan.
 - iii. Menyediakan ringkasan atau laporan pembayaran dermasiswa kepada BPI JAIS.
 - iv. Menyedia dan mengedar surat pemakluman kelulusan bayaran dermasiswa berserta senarai akuan penerimaan dermasiswa kepada institusi tahfiz.
 - v. Menerima akuan penerimaan dermasiswa yang telah lengkap disediakan oleh institusi tahfiz.
 - vi. Melaksanakan pemantauan terhadap institusi tahfiz berkaitan pembayaran dan agihan dermasiswa bersama BPI JAIS.

6.5 Peranan Institusi Tahfiz

- i. Mengurus **borang permohonan dermasiswa huffaz** dan menghantar ke BPI, JAIS:
 - a. Surat iringan dari institusi tahfiz.
 - b. Senarai calon yang memohon berdasarkan bilangan borang permohonan.
 - c. Borang-borang permohonan Dermasiswa Huffaz
 - d. Salinan penyata akaun bank terkini institusi tahfiz.
 - e. *Soft copy* senarai pemohon.
- ii. Mengesahkan tahap hafazan terkini setiap permohonan di dalam borang permohonan.
- iii. Menghantar laporan **prestasi hafazan** penerima dermasiswa kepada BPI setiap tahun:
 - a. Surat iringan dari institusi tahfiz.
 - b. Melengkapkan format borang prestasi hafazan dan disahkan.
 - c. Salinan penyata akaun bank terkini institusi tahfiz.
- vi. Sentiasa mendapatkan maklumat terkini berkaitan dermasiswa huffaz dari LZS, BPI JAIS dan PITAS.
- vii. Memaklumkan pemberhentian penerima dermasiswa dari institusi tahfiz kepada BPI JAIS/LZS menggunakan surat rasmi.
- viii. Mendaftarkan semula penerima dermasiswa yang mendaftar masuk ke institusi tahfiz (berpindah sekolah) menggunakan Borang Agihan Zakat LZS (MAIS)/B1 Bantuan Dermasiswa Huffaz (berwarna biru).
- ix. Menghantar **senarai akuan penerimaan** dermasiswa yang telah lengkap ditandatangani oleh penerima kepada LZS.
- x. Mengurus agihan dermasiswa kepada penerima dengan menggunakan senarai akuan penerimaan dermasiswa yang disediakan oleh LZS.
- xi. Mengemaskini data dan maklumat institusi tahfiz di dalam Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) dari semasa ke semasa.

7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 7.1. Pemohon mestilah:
- i. Islam.
 - ii. Warganegara Malaysia.
 - iii. Lahir dan menetap di Negeri Selangor atau telah bermastautin atau tinggal di Negeri Selangor tidak kurang dari tiga (3) tahun dan masih menetap di Negeri Selangor.
 - iv. Berumur 7 tahun ke atas.
 - v. Dermasiswa Huffaz ini akan hanya diberikan kepada pelajar yang sedang belajar di mana-mana institusi tahfiz Al-Quran yang telah berdaftar di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Selangor 1988.
 - vi. Mengikuti program hafazan Al-Quran sepenuh masa (pengajian hafazan 30 juzuk Al-Quran dengan tempoh pembelajaran hafazan minimum 4-5 jam sehari).
 - vii. Pemohon tidak menerima dermasiswa huffaz daripada mana-mana Majlis Agama Islam Negeri lain, Badan Berkanun atau mana-mana Yayasan.
 - viii. Senarai nama pemohon telah didaftarkan dalam Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI).
- 7.2. Pemohon perlu mendapatkan sokongan / pengesahan mastautin dari Penghulu / Ketua Kampung / Nazir Masjid / Pengerusi Surau / Pengerusi Jawatankuasa Penduduk & Taman Perumahan.
- 7.3. Pemohon mestilah telah menghafaz Al-Quran sekurang-kurangnya tiga (3) juzuk dengan menyertakan perakuan hafazan pada permohonan kali pertama.
- 7.4. Permohonan Dermasiswa Huffaz kali pertama dan penerima yang berpindah sekolah hendaklah mengisi Borang Agihan Zakat LZS (MAIS)/B1 Bantuan Dermasiswa Huffaz (berwarna biru).

7.5. Institusi Tahfiz hendaklah menghantar laporan prestasi hafazan penerima Dermasiswa Huffaz bagi melayakkan menerima bantuan Dermasiswa Huffaz untuk tahun berikutnya seperti dalam perenggan 4.4. garis panduan ini.

8. TAHAP HAFAZAN DAN KADAR INSENTIF DERMASISWA HUFFAZ

8.1. Tahap Hafazan dan Kadar Insentif Dermasiswa Huffaz:

BIL.	TAHAP HAFAZAN	TEMPOH KELAYAKAN	CADANGAN KADAR BAYARAN DERMASISWA
1.	3 - 5 juzuk	5 tahun	RM150.00 Sebulan.
2.	6 – 10 juzuk	4 tahun	
3.	11 – 17 juzuk	3 tahun	
4.	18 – 24 juzuk	2 tahun	
5.	25 – 30 juzuk	1 tahun	

****nota: penerima hendaklah meningkatkan prestasi hafazan pada setiap tahun**

8.2. **Jawatankuasa dermasiswa mempunyai kuasa untuk mengubah kadar bayaran dermasiswa bergantung kepada jumlah peruntukan yang disalurkan oleh LZS.**

8.3. Bantuan Dermasiswa Huffaz hendaklah diserahkan kepada penerima bagi keperluan pembiayaan pembelajaran dan wang saku murid serta aktiviti lain seperti Program bersama Kolej Komuniti, program kecemerlangan pelajar, ko-kurikulum dan aktiviti lain yang melibatkan murid.

8.4. Penggunaan atau perbelanjaan lain selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 8.3 **hendaklah** mendapat persetujuan dalam mesyuarat agung atau permuafakatan bersama ibu bapa atau penjaga pelajar.

9. PENAMATAN INSENTIF

- 9.1. Insentif akan ditamatkan sekiranya penerima Dermasiswa Huffaz telah menamatkan hafazan 30 juzuk.
- 9.2. Penerima Dermasiswa Huffaz telah melepasi tempoh pengajian 5 tahun walaupun tidak mencapai hafazan 30 juzuk.
- 9.3. Penerima Dermasiswa Huffaz didapati menerima insentif Dermasiswa Huffaz dari mana-mana Majlis Agama Islam Negeri, Badan Berkanun atau swasta.
- 9.4. Sebab-sebab lain yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pemandu Tahfiz Negeri Selangor atau Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz Negeri Selangor.

10. KAEDAH DAN PEMBAYARAN DERMASISWA HUFFAZ

- 10.1. Pembayaran Dermasiswa Huffaz boleh dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun yang akan dilaksanakan mulai bulan Julai berdasarkan data yang diterima pada bulan Januari hingga Mac tahun semasa.
- 10.2. Semua bayaran akan dilaksanakan melalui '*Electronic Fund Transfer*' (EFT) ke akaun institusi oleh LZS.
- 10.3. Institusi hendaklah membuat agihan kepada penerima dermasiswa sama ada secara tunai atau melalui EFT dan melengkapkan senarai akuan penerimaan dermasiswa.
- 10.4. Senarai akuan penerimaan dermasiswa yang telah lengkap hendaklah dihantar ke LZS oleh institusi tahfiz.
- 10.5. Dalam keadaan tertentu Dermasiswa boleh juga dibayar terus ke akaun penerima oleh LZS.

- 10.6. Penerima dermasiswa hendaklah memastikan akaun bank sentiasa aktif dan dikemaskini.

***Kaedah pembayaran ini adalah tertakluk kepada pindaan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz.*

11. PROSES PERMOHONAN DERMASISWA HUFFAZ NEGERI SELANGOR

- 11.1. Pemohon dikehendaki mengisi Borang Agihan Zakat LZS (MAIS)/B1 Bantuan Dermasiswa Huffaz (berwarna biru) yang boleh diperolehi dari Pejabat Agama Islam Daerah, Bahagian Pendidikan Islam JAIS, PITAS dan LZS dan menyerahkan kepada institusi tahfiz untuk disemak dan diperakukan.
- 11.2. Borang yang telah lengkap diisi (pemohon baru) dan laporan prestasi (pelajar lama) hendaklah dikembalikan oleh Institusi Tahfiz ke BPI JAIS pada bulan Mac setiap tahun.
- 11.3 Borang permohonan hendaklah disertakan bersama salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
- a) Salinan kad pengenalan pemohon
 - b) Salinan sijil kelahiran bagi pemohon bawah 12 tahun
 - c) Salinan kad pengenalan ibu dan bapa / penjaga
 - d) Salinan Penyata Gaji / penyata pesara ibu dan bapa / Pengesahan pendapatan (menggunakan Borang Pengisytiharan Pendapatan Permohonan Bantuan Zakat LZS (MAIS)
 - e) Salinan bil air / elektrik / cukai pintu terkini
 - f) Salinan akaun bank (penerima) yang aktif (sekiranya bayaran perlu dikreditkan ke akaun penerima - akan dimaklumkan secara rasmi oleh BPI/ LZS)

12. ETIKA PENERIMA INSENTIF

- i. Berpegang dengan aqidah Ahli al-Sunnah wal-Jamaah (ASWJ) dan bermazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali berdasarkan Seksyen 3 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- ii. Berperibadi mulia dan mempunyai ketrampilan yang baik, bertanggungjawab, jujur dan ikhlas dalam kehidupan.
- iii. Berusaha meningkatkan hafazan dari semasa ke semasa;
- iv. Tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mencemar imej Institusi
- v. Menggunakan insentif yang diterima untuk perkara-perkara yang berfaedah dan membantu dalam mengembangkan potensi hafazan.


13. TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

- 13.1. Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 01 Januari 2019 dan dengan pemakaian panduan dermasiswa huffaz ini maka **Bahagian IV dan Bahagian V** dalam Dasar Pengurusan Tahfiz Al Quran Negeri Selangor 2013M/1434H adalah dimansuhkan.

PROSES KERJA PERMOHONAN BARU DERMASISWA HUFFAZ

1. Pemohon mengisi borang Agihan Zakat LZS (MAIS)/B1 BANTUAN DERMASISWA HUFFAZ
2. Pemohon menghantar borang kepada Institusi untuk mendapat pengesahan tahap hafazan.
3. Institusi menyemak dan mengesahkan borang permohonan dan menghantar ke BPI JAIS berserta dokumen berikut:
 - 3.1 Surat iringan dari institusi tahfiz
 - 3.2 Senarai nama pemohon berdasarkan bilangan borang permohonan
 - 3.3 Borang permohonan dermasiswa huffaz
 - 3.4 Salinan penyata akaun bank terkini
 - 3.5 *Softcopy* senarai pemohon (menggunakan format yang disediakan oleh BPI (JAIS)).
4. BPI JAIS mengumpulkan perkara 3.1 hingga 3.5 daripada Institusi Tahfiz
5. Panel Penilai Dermasiswa Huffaz (PPDH) menyemak dan menilai borang permohonan dan mengesahkan borang dermasiswa.
6. PPDH menyediakan maklumat calon yang layak dan tidak layak untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz.
7. PPDH menyediakan rekod dan mengemukakan tuntutan kepada Lembaga Zakat Selangor.
8. LZS mengeluarkan laporan bayaran keseluruhan ke BPI JAIS dan dokumen akuan penerimaan dermasiswa kepada institusi tahfiz
9. Institusi tahfiz membuat agihan dan mengembalikan dokumen akuan penerimaan yang telah lengkap sebagai rekod ke LZS.

CARTA ALIR
PERMOHONAN BARU DERMASISWA HUFFAZ



PROSES KERJA LAPORAN PRESTASI PENERIMA DERMASISWA HUFFAZ

1. Institusi Tahfiz menghantar laporan prestasi hafazan penerima Dermasiswa Huffaz ke BPI, JAIS pada Mac tahun semasa berserta dokumen berikut:
 - 1.1 Surat iringan.
 - 1.2 Format prestasi hafazan yang telah lengkap dan disahkan (*soft copy* dan *hard copy*).
 - 1.3 Salinan penyata akaun bank terkini.
2. BPI JAIS menerima perkara 1.1 -1.3 daripada institusi tahfiz dan merancang bengkel.
3. Panel Penilai Dermasiswa Huffaz (PPDH) menyemak, mengesah dan meluluskan prestasi calon.
4. PPDH menyediakan senarai penerima Dermasiswa Huffaz untuk dibentang didalam Mesyuarat Dermasiswa Huffaz
5. PPDP menyediakan rekod untuk dikemukakan ke Mesyuarat Jawatankuasa Dermasiswa Huffaz
6. BPI JAIS mengemukakan tuntutan ke Lembaga Zakat Selangor
7. Lembaga Zakat Selangor mengeluarkan laporan bayaran keseluruhan ke BPI dan dokumen akuan penerimaan dermasiswa kepada institusi tahfiz.
8. Institusi tahfiz membuat agihan dan mengembalikan dokumen akuan penerimaan yang telah lengkap sebagai rekod ke LZS.
9. Institusi menghantar senarai akuan penerimaan yang lengkap ke LZS.

CARTA ALIR
LAPORAN PRESTASI PENERIMA DERMASISWA HUFFAZ

